

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

RPK 442 - Aspek Sosial di Dalam Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan Bahagian A Wajib dan pilih TIGA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. a) Perubahan akan merupakan ciri utama dalam pembangunan di Malaysia pada masa depan. Nyatakan aspek-aspek positif serta negatif yang akan dibawa bersama oleh aliran perubahan tersebut.

(20 markah)

- b) Bagaimanakah pengubahsuaian boleh mengatasi kesan perubahan tersebut? Pilih DUA bidang di bawah ini dalam memberi jawapan anda:-

- (i) perindustrian
- (ii) pembandaran
- (iii) pendidikan

(20 markah)

BAHAGIAN B

2. Boleh ditafsirkan bahawa semua jenis perancangan mempunyai aspek-aspek atau implikasi-implikasi sosial dan juga boleh dikatakan yang perancangan sosial meliputi semua kisaran-kisaran aktiviti perancangan. Jelaskan.

(20 markah)

3. Sila beri satu huraian ringkas tentang Penilaian Kesan Alam Sekitar (E.I.A. - Environmental Impact Assessment) dan bincangkan sumbangan alat penilaian ini dalam membenteryas masalah pencemaran dan kemerosotan alam sekitar.

(20 markah)

4. Beza dan bandingkan petunjuk sosial dan petunjuk ekonomi. Bincangkan kegunaan petunjuk-petunjuk tersebut dalam projek-projek pembangunan.

(20 markah)

5. Sehingga hari ini isu perumahan untuk golongan berpendapatan rendah masih merupakan masalah besar kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Senarai serta bincangkan secara ringkas faktor-faktor yang sentiasa menghidupkan kontroversi aspek perumahan ini.

(20 markah)

6. Proses pembangunan yang pesat memerlukan pentadbiran kerajaan yang cekap dan dinamik. Bincangkan kenyataan ini dalam konteks rombakan pentadbiran kerajaan dan konsep pengswastaan.

(20 markah)

7. Penyertaan awam merupakan suatu pendekatan yang boleh melicinkan proses membuat keputusan dalam amalan perancangan. Nilaikan kenyataan tersebut dalam konteks aktiviti perancangan seperti di bawah:-

- a) pembangunan desa
- b) pelancongan
- c) pemeliharaan

(20 markah)

-oooo0ooo-